

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN


BILANGAN 4 TAHUN 2019

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN REKABENTUK BAHARU KERTAS KESELAMATAN
DOKUMEN HAKMILIK, CARIAN DAN CABUTAN HAKMILIK**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-5/2019 yang bersidang pada 14 Februari 2019 telah meluluskan cadangan penambahbaikan kertas keselamatan dokumen hakmilik, carian dan cabutan hakmilik dengan rekabentuk baharu.

2. Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut, Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan memutuskan supaya semua Pentadbir Tanah Dan Jajahan Negeri Kelantan menggunakan rekabentuk baharu kertas keselamatan dokumen hakmilik serta carian dan cabutan hakmilik yang akan dibekalkan oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan.

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada 20 Mei 2019 dan semua Pentadbir Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan hendaklah menggunakan rekabentuk baharu kertas keselamatan dokumen hakmilik serta carian dan cabutan hakmilik tersebut serta mematuhi arahan yang ditetapkan.



**DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,

Semua Pentadbir Tanah Dan Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM**